

Bil. S 27

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 2 TAHUN 2004

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Penggantian mukasurat-mukasurat.

JADUAL

**AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG
(PENGGAL 1)**

PERINTAH PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG BIL. 2 TAHUN 2004

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh ceraian-ceraian (1) dan (2) bab 5 dari Akta Penyemakan Undang-Undang, maka Peguam Negara dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Penyemakan Undang-Undang Bil. 2 Tahun 2004 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 15 haribulan April, 2004.

Penggantian mukasurat-mukasurat.

2. Pengeluaran dari Undang-Undang bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian A Jadual yang tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat merujuk kepada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang-ruang pertama dan kedua Jadual tersebut adalah dengan ini diarahkan, dan pemasukan dalam Undang-Undang, bagi menggantikan mukasurat-mukasurat yang masing-masing diarahkan untuk dikeluarkan, bagi mukasurat-mukasurat yang dinyatakan dalam ruang ketiga Bahagian B Jadual yang tertera di mukasurat depannya atau di mukasurat sebelahnya tulisan yang dinyatakan dalam ruang keempat merujuk kepada undang-undang bertulis tersebut adalah dengan ini dibenarkan.

JADUAL

(perenggan 2)

BAHAGIAN A

Penggal	Tajuk	Mukasurat- mukasurat	Tulisan
119	Akta Cukai Pendapatan (Petroleum)	1 hingga 54	B.L.R.O. 1/1984

BAHAGIAN B

Penggal	Tajuk	Mukasurat- mukasurat	Tulisan
119	Akta Cukai Pendapatan (Petroleum)	1 hingga 58	B.L.R.O. 2/2004

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 10 haribulan Mac, 2004.

DATO PADUKA AWANG HAJI KIFRAWI BIN
DATO PADUKA HAJI KIFLI
PEGUAM NEGARA,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.